

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERPISAHAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 01-03-1989

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong; Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Kurshiah; Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patek mohon diampun.

Bagi patek-patek dalam BAKTI dan diri patek sendiri, patek merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Kurshiah atas limpah perkenan Ke Bawah Duli Tuanku berdua berangkat ke Majlis Perpisahan BAKTI yang tidak sepertinya ini. Keberangkatan Ke bawah Duli Tuanku Permaisuri amat dialu-alukan memandangkan kesibukan Ke Bawah Duli Tuanku dalam bulan Februari ini sahaja.

Ampun Tuanku,

2. Dalam masa lima tahun yang lalu, patek sekalian telah berpeluang mengenali Ke Bawah Duli Tuanku Permaisuri dengan lebih rapat semasa ke Bawah Duli Tuanku bersemayam di Kuala Lumpur. Ini ditambah lagi kerana Ke Bawah Duli Tuanku telah beberapa kali berkenan mencemar Duli untuk bersama-sama patek sekalian di majlis-majlis tertentu. Ini adalah suatu penghormatan bagi patek-patek sekalian dalam BAKTI.

3. Selain di majlis-majlis anjuran BAKTI, Ke Bawah Duli Tuanku juga sentiasa berkenan menjemput patek sekalian ke Istana Negara untuk hadir di majlis-majlis keagamaan dan kemesraan antara kaum wanita dari dalam negeri dan juga luar negeri. Minat Ke Bawah Duli Tuanku terhadap pembangunan kaum wanita dan aktiviti-aktiviti yang membolehkan kaum wanita meninggikan lagi taraf hidup mereka akan sentiasa diingati serta memberi perangsang kepada pertumbuhan-pertumbuhan wanita, juga untuk menguatkan azam mereka bagi membela kaum wanita, khasnya mereka yang kurang bernasib baik dan yang kurang upaya.

4. Dalam bidang sukan pula, sungguhpun hanya sekali sahaja patek dapat berpeluang bermain badminton dengan Ke Bawah Duli Tuanku dalam perlawanan persahabatan dengan Pasukan Di Raja yang dipimpin oleh Ke Bawah Duli Tuanku sendiri. Ke Bawah Duli Tuanku telah menunjukkan pentingnya mengutamakan kemesraan daripada kemenangan atau kekalahan dalam sesuatu perlawanan persahabatan. Patek amat menyanjung tinggi atas semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku itu.

Ampun Tuanku,

5. Patek dalam BAKTI melafazkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Ke Bawah Duli Tuanku telah dapat menyempurnakan penggal lima tahun pemerintahan dengan selamat, aman, makmur dan sejahtera.

Tumpuan Ke Bawah Duli Tuanku berdua terhadap pendidikan, kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat disanjung tinggi oleh rakyat sekalian. Mangsa-mangsa banjir seluruh negara umpamanya, amat menghargai sumbangan ikhlas dan spontan daripada Ke Bawah Duli Tuanku Yang Di-Pertuan Agong. Patek sekalian berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Ke Bawah Duli Tuanku Permaisuri, serta anakanda-anakanda, sentiasa dicucuri rahmat dan kesejahteraan dan selamat berangkat bersemayam semula di Negeri Johor Darul Takzim kelak.

Ampun Tuanku,

6. Majlis Perpisahan ini diatitkan semata-mata oleh ahli- ahli BAKTI tanpa panduan atau arahan daripada patek. Mereka telah bertungkus lumus bersiap sedia untuk meraikan Ke Bawah Duli Tuanku semenjak bulan Januari lagi. Patek berharap persembahan yang akan diadakan nanti akan menghiburkan Ke Bawah Duli Tuanku. Namun demikian, patek menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf terlebih dahulu atas apa jua kesilapan dan yang tidak menyenangkan dalam Majlis yang tidak seperti ini.

Ampun Tuanku,

7. Patek sudahi dengan sekali lagi menyembah junjung kasih BAKTI atas keberangkatan ke Bawah Duli Tuanku dan berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala lanjutkan usia Ke Bawah Duli Tuanku dan semoga sentiasa dalam lindungan Ilahi.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patek mohon diampun.
